

Rahsia Seorang Negarawan

KHIDMAT NEGARA



ASIL KARYA BRIG. JEN. (B) DATUK TUNKU IZHAM BIN TUNKU JUSOH
IMP DSDK DSIS PAT KAT KMN AMN PJK Mba Strats (UKM) psc

09595

T



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

TDM
FOL.

Jang Amat Berkatgia Tun

Berdiklat terima secebis penulisan daripada seorang bekas pegawai tentera Malaysia dan seorang patriot. Tujuan saya menulis adalah supaya anak-anak muda tidak akan lupa sejarah negara kita yang bermula sejak zaman Kerajaan Sri Vijaya lagi.

Fokus saya adalah terhadap pahlawan Melayu seperti Dato' Maharaja Lela, Tok Jongsut, Tunku Kudin dan sebagainya yang berjaring sebelum merdeka.

iklas



11 Jan 2012

KHIDMAT NEGARA

RAHSIA SEORANG NEGARAWAN

DITULIS OLEH:

**BRIG. JEN. (B) DATO TUNKU IZHAM BIN TUNKU JUSOH
DIMP DSDK DSIS PAT KAT KMN AMK PJK Mba (Cran),
Dip. Strats (UKM) psc**





Rahsia Seorang Negarawan

Edisi Kedua 2011

Dikeluarkan bersama Oleh
Ronin Realtime Academy Sdn. Bhd.

Jurugambar dan Penyunting

Tunku Putra Iskandar bin Tunku Izham
Ahmad Zaim bin Ahmad Ridzuan

PUSTAKA PERDANA



1013562

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penulis.

Profil Penulis



Brigadier Jeneral (B) Dato Tunku Izham bin Tunku Jusoh merupakan ahli kerabat di-Raja Kedah keturunan Tunku Laksamana Kedah, anakanda Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Baginda Sultan Abdul Halim Shah masih disembah dan disayangi oleh seluruh rakyat Kedah dan juga Pulau Pinang sekarang. Seperti kebanyakan kanak-kanak lelaki di Alor Setar zaman dahulu, Dato Tunku Izham memulakan persekolahannya dalam aliran Melayu dan bertukar ke aliran Inggeris semasa di Sekolah Rendah Sultan Abdul Halim, Alor Setar. Beliau kemudiannya menyambung pelajarannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar sebelum menamatkan pengajian pra-Universiti di CYMA College Pulau Pinang.

Sejak di Kolej Sultan Abdul Hamid, Brig Jen (B) Dato Tunku Izham telah menyimpan azam untuk menjadi seorang wira negara seperti ayahnya apabila beliau menyertai Kor Kadet Sekolah. Selepas setahun di IPTS Pulau Pinang, beliau “melarikan diri” untuk memasuki Latihan Kadet Tentera di Port Dickson. Dato Tunku berjaya dipilih sebagai bakal Pegawai Kadet Tentera Udara setelah melalui latihan kadet selama enam bulan di Kem Sebatang Kara, Port Dickson dan enam bulan lagi di Royal Military College, Sungai Besi, Kuala Lumpur. Beliau ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Udara pada 14 Oktober 1971. Kerjaya beliau sebagai seorang pegawai TUDM membawa beliau mengelilingi dunia beberapa kali. Pertama kali beliau dihantar ke RAF Bawdsey, England untuk menjalani latihan fighter controller semasa berumur 20 tahun. Beberapa tahun kemudian, beliau melanjutkan latihan ke Australia sebagai jurulatih. Setelah mencapai pangkat Kapten dan Ketua Jurulatih, beliau dipilih pula sebagai Juruiring Tentera kepada DYMM Sultan Selangor bermula tahun 1979 hingga 1983. Pada tahun 1986, beliau melanjutkan pengajian tinggi di UKM, Bangi sehingga ke peringkat Diploma Lanjutan sebelum meneruskan pembelajaran Ijazah Sarjana di Universiti Cranfield, England dengan mendapat anugerah MBA di sana.

Dato Tunku Izham mempunyai pengalaman luas di luar dan di dalam tentera terutama di peringkat macro ATM dengan menjawat beberapa jawatan strategik seperti Ketua Pengarah Sekretariat Markas ATM, Penasihat Tentera kepada dua orang Panglima Tentera Udara, Ketua Sekretariat kepada Panglima Angkatan Tentera, Penolong Tentera (MA) kepada YB. Dato Abang Hj Abu Bakar bin Dato Abang Hj Mustafa (Menteri Pertahanan) dan YB. Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (Menteri Pertahanan). Beliau juga pernah bertugas sebagai Ketua Staf PBB (MINURSO) di Sahara Barat dan Timbalan Komandan di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) sebelum menamatkan perkhidmatannya di Butterworth, Pulau Pinang. Sebagai Timbalan Panglima Markas, Sistem Pertahanan Kawasan Lima Negara di sana, Brigadier Jeneral (B) Dato Tunku Izham bin Tunku Jusoh ialah contoh seorang patriot negara dengan mengikut jejak langkah ayahandanya, Allahyarham Tunku Yusoff bin Tunku Kassim, anggota Force 136 (Harimau Malaya) dan nendanya Allahyarham Tunku Kassim bin Sultan Abdul Hamid, Tengku Laksamana Kedah dan Raja Silat Malaysia. Di dalam buku ini, Dato Tunku cuba menimbulkan semangat patriotik melalui cerita-ceritanya tentang sejarah negara dan bagaimana berkhidmat untuk Raja dan Negara.

SEKAPUR SIREH

Saya ingin memberi penghargaan kepada semua rakan-rakan serta sumber-sumber maklumat yang membantu saya menulis buku *PLKN - Rahsia Seorang Negarawan* ini. Begitu juga niat saya untuk memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh negara seperti Tun Mahathir, Dato Seri Mohd Najib, Professor di Raja Ungku Aziz, Professor Dr. Fauzi Basri, Professor Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim dan Dato Siti Nurhaliza yang mana kata-kata mereka saya muatkan kedalam buku saya sebagai secebis kata-kata pujangga.

Dalam bab-bab yang ditulis, saya memilih bab 3 untuk mendedah sejarah negeri-negeri Melayu dan sejarah kepahlawanan negara supaya remaja-remaja yang membacanya tahu tentang sejarah dan asal-usul mereka. Dengan menggunakan contoh filem Melayu "*Merong Mahawangsa*" yang sedang dimainkan dipawagam-pawagam sebagai contoh, saya berharap untuk menarik perhatian mereka kepada faktor bahawa negeri kita juga mempunyai nilai sejarah yang berharga dan boleh dipasarkan sebagai bahan cerita wayang atau talivisyen. Tujuan saya berbuat demikian adalah supaya semangat patriotik yang dibangkitkan berfaktorkan sejarah negeri sendiri. Cerita-cerita tentang perjuangan pahlawan-pahlawan negara yang menentang kerajaan-kerajaan Siam dan penjajahan Inggeris juga saya bangkitkan didalam bab 2 supaya lapisan-lapisan masyarakat muda banggakan pengorbanan nenek moyang mereka lebih daripada mereka banggakan kehandalan pahlawan-pahlawan negara timur atau barat seperti yang kita banggakan sejak zaman berzaman.

Akhir sekali saya juga memberi penghormatan kepada penulis-penulis dilamanweb *Sejarah Melayu* dilaman web media letronik yang menjadi sumber utama maklumat sejarah negeri-negeri Melayu, sejarah peperangan kemerdekaan Malaya dan gambar-gambar yang saya muatkan kedalam buku ini. Lain-lain sumber maklumat terutama sejarah Indonesia saya dapati melalui bacaan buku-buku seperti *Dimana Bumi Dipijak* yang ditulis oleh Choo Foo Yoong, Lee Khok Mui dan Low Swee Heong yang bertujuan sebagai sumber bacaan PLKN dan buku *Mencari Bako* yang ditulis oleh Abdul Aziz Ishak iaitu adik kepada President petama Singapura yang bertujuan sebagai bacaan keluarga mereka sahaja. Kesenambungan diantara cerita-cerita didalam buku ini yang dikutip dari sumber-sumber tersebut semuanya datang dari ingatan saya sebagai orang yang terlibat secara pribadi dengan pelancaran PLKN tahun 2004, pasukan pengaman PBB di Sahara Barat dan sejarah negeri Kedah.

Saya berharap kejayaan saya sebagai penulis buku ini akan membangkitkan semangat ramai lagi bakal penulis yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung dengan PLKN ataupun sejarah negara-negara Melayu dimasa-masa akan datang. Dengan memperbanyakkan buku dan bahan bacaan yang berguna saya yakin masa untuk berfoya-foya akan diisi dengan lebih bermakna lagi, Insyallah.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat Tajuk
Biodata Penulis
Sekapur Sireh
Isi Kandungan
Apa Kata Tokoh-Tokoh Negara?
Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JLKN

Bab 1 – MENGHAYATI PLKN

1 - 28

Pengenalan – Apakah sebenarnya PLKN?
Akta PLKN

- **Cara Pemilihan dan Kelayakan**
- **Cara Memohon Pengecualian**
- **Pelantikan Jurulatih**
- **Majlis Latihan Khidmat Negara**

Jabatan Latihan Khidmat Negara
Modul-Modul Latihan

- **Latihan Fizikal**
- **Kenegaraan**
- **Khidmat Komuniti**
- **Latihan Fizikal**

Bab 2 – MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTIK

29 - 42

Erti Patriotisme

Sejarah Tanah Air

- **Semenanjung Tanah Melayu**
- **Kebangkitan Negara Islam**
- **Kejatuhan Melaka**
- **Penjajahan**
- **Pejuang Pejuang Negara**

Mengenali Negeri- Negeri Ibunda

- **Kedah**
- **Perak**
- **Johor**
- **Terengganu**
- **Selangor**

- Negeri Sembilan
- Perlis
- Pahang
- Kelantan
- Pulau Pinang
- Melaka
- Sabah
- Sarawak

**Penubuhan Malaysia
Detik Detik Hitam Dalam Sejarah
Usaha-usaha Pembangunan Negara**

Bab 3 – MALAYSIA: TAK KENAL MAKA TAK CINTA

43 - 85

- Nasionalisme atau Kenegaraan
- Kerajaan Malaysia
- Pelembagaan Negara
- Rukun Negara
- Lagu Negaraku
- Lambang Negara (Jalur Gemilang)
- Institusi Raja

Bab 4 – KONSEP 1MALAYSIA

86 - 92

- Pengenalan
- Apa itu Konsep 1Malaysia?
- Matlamat-matlamatnya

Bab 5 – RAHSIA PEMBELAJARAN PLKN

93 – 100

- Patriotisme atau Nasionalisme
- Rakyat Termaklum atau Rakyat Terlindung
- Bersatu Padu atau Berpecah Belah
- Bersama atau Berbeza
- Negara Kita atau Negara Orang
- Mencapai Matlamat PLKN atau Tidak
- Soalan-soalan popular

PENUTUP

101 - 105

- Rahsia Seorang Negarawan



APA KATA TOKOH-TOKOH KITA

PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI...

*Perjuangan kita belum selesai
kerana hanya yang cekal dan tabah
dapat membina mercu tanda bangsanya yang berjaya...*

Karya
Tun Dr Mahathir Mohamad
Malam Puisi Utusan ke-4
11 Mei 1969

Kita hendak menjadi negara maju dan untuk itu bukan sekadar bergantung kepada kekayaan hasil mashul negara tetapi aset manusia yang menunjukkan nilai-nilai positif dan baik

Dato Seri Mohd Najib b.Tun Hj Abdul Razak
Timbalan Perdana Menteri/Menteri Pertahanan
UPM Serdang
2004

"Saya fikir kalau tiada Khidmat Negara, kita semua akan hanyut...orang muda tidak dapat memikirkan ini semua kerana mereka tidak dilatih untuk memikirkan perkara-perkara ini"

Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz

Kita tidak dapat menentukan masa depan negara tetapi kita dapat menentukan bentuk masyarakat yang akan bertanggungjawab menyambung kelangsungan serta masa depan negara. PLKN adalah salah satu cara kita membentuk masyarakat seperti yang diimpikan dan dinyatakan dalam wawasan 2020. PLKN bermatlamat untuk mewujudkan satu masyarakat progressif dan berdisiplin. Ini adalah satu mekanisme untuk mencapai Wawasan 2020

Prof Datuk Dr Fawzi Basri
Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara

"Saya percaya pada mulanya remaja harus dipaksa membaca...apabila mereka menikmati buku tersebut maka budaya membaca akan tumbuh di hati mereka"

Tun Mahathir dan Dato Siti Nurhaliza
Wawancara TV 12 Jan 2011

"Fostering patriotism and unity is achievable through the promotion of history"

Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim
STAR - Rabu 4 MEI 2011

KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH JLKN



Saya bersyukur ke-hadrat Allah S.W.T kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata mengenai PLKN dan bersempena buku PLKN- Raksia Seorang Negarawan. PLKN kini jauh berbeza daripada PLKN yang dilancarkan lapan tahun dahulu. Antara program baru yang ditambah merangkumi lebih latihan di luar bilik kuliah supaya para peserta akan mendapat lebih peluang untuk memahami pembelajaran melalui pengalaman mereka sendiri. Perubahan tersebut dibuat supaya latihan yang dijalankan menjadi lebih berkesan. Sebagai badan yang bertanggungjawab ke atas semua aspek latihan, JLKN akan sentiasa memberi perhatian terhadap pebcapaian-pencapaian yang diperolehi pada penghujung setiap latihan. Setiap perubahan yang kami laksanakan adalah reaksi kami terhadap beribu-ribu input yang diterima daripada seluruh lapisan masyarakat. Kejayaan PLKN sehingga kini telah meyakinkan kerajaan untuk meneruskan dengan modul-modul latihan baharu yang digubal untuk memberi kesan yang berpanjangan terutama sekali selepas mereka tamat latihan.

Ke arah mencapai matlamat dan harapan kerajaan dan juga rakyat, saya menyarankan supaya bekas pelatih PLKN meneruskan pembelajaran mereka di luar kem dengan membudayakan ilmu yang dipelajari dan menjadikan bekalan seumur hidup. Mereka juga perlu membina budaya berfaedah seperti membaca bagi meluaskan ilmu lagi. Budaya membaca adalah budaya yang baik untuk menambah pengetahuan am kerana bahan yang ditulis di dalam buku-buku di pasaran sangat luas daripada apa yang disampaikan di dalam PLKN. Dengan itu, saya menyokong penuh bahan penulisan seperti buku PLKN- Raksia Seorang Negarawan ini mampu memberi satu lagi sudut pemahaman melalui penulisan dan juga gambar-gambar.

Saya ingin tegaskan bahawa kerjasama antara rakan-rakan, budaya tolong-menolong sesama sendiri untuk mencapai kesepakatan dalam pekerjaan serta integrasi rakyat adalah tunjang kepada usaha kerajaan untuk menjayakan wawasan negara maju pada tahun 2020 nanti.

Sekian, terima kasih

Dato Abdul Hadi bin Awang Kecil
Ketua Pengarah
Jabatan Latihan Khidmat Negara

BAB 1

Menghayati PLKN

Latar Belakang Penubuhan PLKN

Khidmat Negara bukan perkara baharu di negara kita ini. Kali pertama diperkenalkan adalah pada tahun 1952 di mana semua remaja di Tanah Melayu dikerah untuk memerangi serangan pengganas komunis Bintang Tiga. Ramai anak-anak muda dikerah untuk menjalani latihan ketenteraan dan berkhidmat dalam angkatan tentera Malaya pada waktu itu. Pemuda bangsa Cina, kebanyakannya diserap ke dalam pasukan polis simpanan sebagai penterjemah bahasa Cina yang digunakan oleh komunis Bintang Tiga. Namun, ramai juga anak-anak muda yang tidak mempunyai semangat patriotik telah melarikan diri daripada kerahan tenaga tentera masa itu. Semasa konfrontasi dengan negara Indonesia (1963-1966), kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan kembali Akta "National Service 1952". Akta tersebut sekali lagi mengerahkan anak-anak muda untuk menyertai perkhidmatan ATM.

Kedua-dua kali kerajaan Malaya dan Malaysia mengerah rakyat untuk berkhidmat kepada negara adalah atas dasar pertahanan negara. Remaja dikerah untuk mempertahankan negara daripada serangan bersenjata yang datang dari luar negara kita. Walau bagaimanapun, Akta PLKN 2003 bukan Akta kerahan tentera. Hal ini unik kepada negara kita, kerana kerahan yang dibuat bukanlah untuk berperang tetapi untuk semua remaja menyahut seruan kerajaan untuk dilatih menjadi rakyat yang berguna atas faktor ketahanan

yang berguna atas faktor ketahanan negara. Pertubuhan Belia 4B beberapa tahun dahulu umpamanya digalakkan oleh kerajaan supaya belia melibatkan diri mereka dalam beberapa pertubuhan sosial atas faktor jati diri mereka. Beribu-ribu pertubuhan belia tumbuh dengan semangat sepakat dan berdikari. Menjelang tahun 1990-an, tanpa Akta yang mengerah penubuhannya, Belia 4B menjadi layu dan beribu-ribu pertubuhan mereka terbatal dan tidak lagi diperbaharui. Sebab utama kegagalan pertubuhan-pertubuhan Belia 4B tersebut adalah ketiadaan pemimpin yang berkaliber atau sebaliknya keengganan pemimpin lama yang sudah tua untuk meletak jawatan mereka. Akhirnya, hampir semua pertubuhan yang "hidup segan mati tak mahu" itu membiarkan anasir-anasir jahat menyerapi ke dalam pertubuhan-pertubuhan mereka yang masih ada.



1. Konsep logo yang cuba ditonjolkan ialah api yang sedang membara melambangkan semangat Patriotisme.
2. Bentuk api dihasilkan dengan jalur merah melambangkan suku kaum utama di Malaysia bersatu padu mempertahankan negara.
3. Bentuk bulat berwarna biru menandakan perpaduan yang erat yang terjalin antara kaum.
4. Bentuk bulan dan bintang pula melambangkan kedaulatan negara yang harus dipertahankan oleh semua pihak.
5. Perkataan KHIDMAT NEGARA dibentuk mencakupi bentuk api tadi bagi melambangkan misi dan visi yang akan dilaksanakan.



Kecergasan fizikal amat diperlukan bagi menempuh hari-hari seterusnya



Pembentukan disiplin melalui aktiviti berkawad dapat memupuk kesedaran tentang betapa pentingnya semangat bekerja secara berkumpulan



Para peserta tekun mendengar sewaktu sesi kendalian jurulatih



Para peserta sedang menjalani latihan berkumpulan



Elemen seni mempertahankan diri sedang dilakukan dalam aktiviti di kem



Memupuk semangat setiakawan di antara peserta PLKN



Inilah bakal-bakal pemimpin kita pada masa hadapan

Antara golongan masyarakat yang prihatin terhadap kesan buruk yang menimpa pertubuhan Belia 4B ialah Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tata Negara (BTN) yang bergabung tenaga untuk menganjurkan satu kongres “Patriotisme Negara” pada akhir tahun 2002 di Bangi, Selangor. Kongres selama dua hari tersebut mengupas isu berkenaan ketahanan nasional dan patriotisme. Topik utama adalah cara untuk mempertingkatkan dan memperkasakan patriotisme. Tun Mahathir Mohamed, sebagai Perdana Menteri ketika itu bersetuju dengan idea untuk mengadakan PLKN tetapi berlaianan daripada konsep kerahan yang dibuat di Singapura. Untuk tidak berbau tentera, perkataan **Kerahan Negara** ditukar kepada **Khidmat Negara** supaya berbunyi lebih mesra kepada rakyat.

Cadangan Kongres tersebut diterima oleh Kabinet pada 30 Oktober 2002 untuk mengkaji keperluan mempercepat PLKN. Jawatankuasa Kabinet dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh tujuh (7) orang Menteri, seorang penasihat kepada Perdana Menteri yang bertaraf Menteri dan lima (5) orang Timbalan Menteri.

Asas perbincangan adalah atas masalah remaja yang mewakili golongan rakyat yang terbesar di negara kita. Mereka senang dipengaruhi dan perlu dibelai dengan kasih sayang serta diberi perlindungan dan pimpinan hidup yang sebaik-baiknya oleh ibu bapa atau keluarga. Kadang kala, belaian kasih sayang tidak diberi maka mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam pelbagai gejala jenayah atau maksiat.



Para peserta sedang menjalani suasana pembelajaran di luar kelas

Mungkin, keluarga yang membuat mereka terpesong atau mungkin juga cara hidup masyarakat lain yang lebih menarik mempengaruhi mereka ke alam yang penuh dengan pancaroba hidup. Walau apa pun yang berlaku, setiap negara menghadapi masalah yang sama iaitu mengenal pasti keperluan remaja dan mengawal nafsu mereka dengan membuka peluang-peluang lain yang sama menarik dan menguntungkan seperti aktiviti sukan rakyat dengan hadiah-hadiah menarik, mencari bakat dengan peluang-peluang pekerjaan yang terbuka, bersenam untuk kesihatan, mencari ilmu lain yang lebih bermakna untuk berjaya dalam hidup yang penuh dengan cabaran moden.



Pelatih sedang melalui pemeriksaan kesihatan untuk pastikan pelatih layak untuk menderma darah

Kerajaan sedar akan bahaya dalam kehidupan remaja kita. Oleh itu, kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi mereka peluang mendapat ilmu yang tidak diajar di bangku sekolah. Kerajaan juga sedar bahawa remaja ialah aset negara yang perlu dijaga.

Hasrat kerajaan adalah supaya remaja kita dibekal dengan pelbagai ilmu dunia, sejarah kehidupan kita sendiri dan cabaran-cabaran yang mengancam rakyat dan perpaduan negara. Semua rakyat Malaysia harus bersemangat untuk berjaya pada masa hadapan.

Kerajaan sedar akan bahaya dalam kehidupan remaja kita. Oleh itu, kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi mereka peluang mendapat ilmu yang tidak diajar di bangku sekolah. Kerajaan juga sedar bahawa remaja ialah aset negara yang perlu dijaga. Hasrat kerajaan adalah supaya remaja kita dibekal dengan berbagai-bagai ilmu dunia, sejarah kehidupan kita sendiri dan cabaran-cabaran yang mengancam rakyat dan perpaduan negara. Semua rakyat Malaysia harus bersemangat untuk berjaya pada masa hadapan.

Atas kesedaran tersebut, satu Rang Undang-Undang baharu iaitu Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) (Pindaan) 2009 (A1354) untuk membolehkan satu latihan dilaksanakan dengan kehadiran yang wajib bagi setiap remaja. Akta tersebut memberi kuasa kepada Menteri Pertahanan untuk mengeluarkan arahan yang menghendaki semua atau sebarang kategori peserta yang perlu menghadiri latihan tersebut dan juga memberi ruang pengecualian kepada seseorang atau sekategori peserta daripada mengikuti **Program Latihan Khidmat Negara**. Program latihan tersebut disusun rapi oleh sebuah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) di bawah satu Majlis Latihan Khidmat Negara yang dilantik oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.



Ujian darah dilakukan untuk mengenal pasti jenis darah sebelum dibenarkan untuk menderma darah

Majlis PLKN bertanggungjawab untuk menasihati Menteri dalam semua perkara berhubung PLKN.

Tujuan PLKN adalah untuk **mewujudkan semangat patriotik dalam kalangan remaja negara**. PLKN dilancar serentak pada 22 Februari 2004 di seluruh negara untuk memberi peluang kepada remaja di semua negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menyertainya, tanpa mengira bangsa, agama atau jantina.

Buku “**PLKN – Rahsia Seorang Negarawan**” adalah penyebar berita tentang usaha kerajaan tersebut untuk memperkasa semangat setiap remaja negara dengan ilmu-ilmu kenegaraan supaya mereka dapat membesar sebagai seorang patriot yang penuh taat setia. Buku ini merupakan satu daripada beberapa sumber rujukan PLKN yang disahkan oleh Jabatan Latihan Khidmat

Negara (JLKN) untuk memperluas liputan bacaan di kalangan rakyat Malaysia khususnya para ibu bapa serta penjaga remaja yang akan dikerah



Majlis beramah mesra bersama Pengarah JLKN Dato Abdul Hadi Awang Kecil

Akta PLKN

1. **Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) (Pindaan) 2009 (A1354)** ialah undang-undang kerajaan yang telah digubal pada tahun 2003 untuk membolehkan pendaftaran dan kehadiran seseorang pelatih PLKN itu diwajibkan. Pengisytiharan yang dibuat oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai Akta tersebut telah menetapkan umur pelatih PLKN tidak kurang dari 16 tahun dan tidak melebihi 35 tahun. Akta PLKN 2003 juga memberi ruang pengecualian atas sebab-sebab tertentu melalui kuasa yang diperturunkan kepada Menteri Pertahanan. Sebuah Majlis Latihan Khidmat Negara juga telah ditubuhkan bagi bertanggungjawab untuk menasihati Menteri dalam semua perkara berhubung latihan. Menteri juga dari semasa ke semasa akan memberi arahan kepada Majlis PLKN untuk dilaksanakan. Sebuah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah ditubuhkan di Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan untuk melaksanakan semua perkara berhubung dengan PLKN.

Cara Pemilihan

Melalui Akta PLKN 2003, Menteri diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan yang menghendaki semua atau sebarang kategori peserta yang perlu menghadiri Latihan Khidmat Negara. Pemilihan adalah secara rambang menggunakan senarai nama rakyat mulai mereka yang telah mencapai had umur minimum. Peserta yang terkandung dalam lingkungan had umur 16 tahun hingga 35 tahun yang tidak terpilih boleh membuat permohonan untuk turut serta melalui Ketua Pengarah JLKN.

Pengecualian

Akta PLKN 2003 juga memberi ruang pengecualian bagi sebab-sebab tertentu. Menteri melalui warta boleh mengecualikan seseorang atau beberapa kategori peserta daripada dikenakan tindakan di bawah Akta PLKN 2003 ini. Saluran permohonan adalah melalui Ketua Pengarah JLKN di Jabatan LKN, Kuala Lumpur.

Pelantikan Jurulatih

Menteri boleh melantik jurulatih daripada kalangan pegawai awam kerajaan atau badan-badan berkanun atau mana-mana individu untuk menjadi jurulatih dan menentukan syarat dan jangka masa tugas mereka.



Majlis pentauliahan para jurulatih dijalankan secara formal

Hukuman

Akta PLKN 2003 memperuntukkan hukuman yang boleh dikenakan ke atas seseorang remaja yang telah dipanggil tetapi gagal menghadiri diri ke dalam latihan. Sekiranya disabit kesalahan tersebut, seseorang yang dituduh boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM3,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali.

Seseorang yang meninggalkan latihan setelah menjalani juga boleh dikenakan hukuman yang sama.

Seseorang yang didapati bersalah menghasut peserta lain untuk meninggalkan latihan juga boleh dikenakan hukuman.

Cuti Bekerja

Bagi mengelakkan gangguan latihan, Akta PLKN 2003 juga menetapkan tanggungjawab untuk majikan. Majikan harus membenarkan pekerja mereka menghadiri PLKN dengan membayar gaji serta imbuhan penuh serta hak bercuti tidak melebihi tiga puluh (30) hari bekerja sekiranya pekerja mereka dipanggil untuk menjalani PLKN. Majikan yang ingkar sekiranya disabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua (2) kali ganda gaji sebulan termasuk imbuhan atau dua (2) bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Pelbagai

Seseorang remaja yang layak menyertai latihan tetapi dengan sengaja mencederakan dirinya atau remaja lain atau sengaja mengambil dadah dengan tujuan untuk dikecualikan daripada latihan sekiranya disabit kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman sepuluh (10) tahun penjara.


Seseorang yang memalsukan dokumen dengan tujuan menipu untuk melepaskan diri daripada menjalani latihan juga boleh dikenakan hukuman. Dendanya tidak melebihi RM3,000.00 atau enam (6) bulan penjara.

Peserta yang boleh dikecualikan.


Peserta yang boleh dikecualikan adalah mereka yang termasuk di bawah kategori yang berikut:-

1. Orang yang cacat akal fikiran.
2. Orang yang disahkan oleh pakar perubatan mengalami kecacatan anggota sehingga tidak boleh melakukan latihan fizikal.
3. Orang dalam penjara.
4. Orang dalam tahanan negara.
5. Penagih dadah yang masih menjalani program pemulihan di bawah Akta Penagihan Dadah, Rawatan dan Pemulihan 1953.
6. Kanak-kanak di bawah tahanan mengikut Akta Kanak-kanak 2001.
7. Orang yang disahkan oleh pakar perubatan mengidap penyakit yang boleh membawa maut.
8. Orang yang disahkan oleh pakar perubatan mengidap penyakit berjangkit.

CARTA ALIR:
Tatacara Penangguhan Kursus PLKN



CARTA ALIR:
Tatacara Pengecualian Kursus PLKN



Semenanjung RM 25.00
Sabah/Sarawak RM 30.00

